



# **PEMBANGUNAN PENYELIDIKAN DALAM PENDIDIKAN DAN SAINS SOSIAL : IDEA DAN ANALISIS**

Disunting oleh  
**NURUL FADLY HABIDIN  
UMMU AIMAN MUHAMAD  
TUAN WAHEDA TUAN CHIK**

**PEMBANGUNAN PENYELIDIKAN DALAM PENDIDIKAN  
DAN SAINS SOSIAL: IDEA DAN ANALISIS**

**Disunting oleh :**  
**Nurul Fadly Habidin**  
**Ummu Aiman Muhamad**  
**Tuan Waheda Tuan Chik**

**Penerbit**  
**Kaizentrenovation Sdn Bhd**  
**Tanjung Malim**  
**2021**



Cetakan Pertama April 2021

Hakcipta © 2021 Nurul Fadly Habidin, Ummu Aiman Muhamad dan Tuan Waheda Tuan Chik

Penerbit : Kaizentrenovation Sdn Bhd (1167478-D)  
Alamat : No A10-1 & A10-2, Gemilang Avenue, Jalan Pulai 1, Proton City,  
35900 Tg Mafim, Perak  
Emel : info.kaizentrenovation@gmail.com  
Laman Web : <https://kaizentrenovationpublishing.com>  
Facebook : Kaizentrenovation Bookstore  
Tel : 017-5716705

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan menyalin mana-mana bahagian e-book, ilustrasi dan isi kandungan e-book ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekali pun sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit dan penulis.

eISBN 978-967-18546-7-9



**PEMBANGUNAN PENYELIDIKAN DALAM PENDIDIKAN DAN  
SAINS SOSIAL: IDEA DAN ANALISIS** iv

**ISI KANDUNGAN**

	Halaman
<b>PRAKATA</b>	
HALATUJU STRATEGIK ANTARA EKOSISTEM EKONOMI DAN POLISI PERNIAGAAN KOPERASI MIKRO DALAM MENGHAJARI COVID-19 Nurul Fadly Habidin, Tuan Waheda Tuan Chik, Ummu Alman Muhamad dan Sharon Yong Yee Ong	1
GELAGAT PELAJAR IPTA TERHADAP HARGA DAN PROMOSI MAKANAN DI GERAI MAKANAN DALAM KAMPUS: KAJIAN EMPIRIKAL DI POLITEKNIK Mohd Ramlil Nawla dan Dicky Wilwitan Toto Ngadiman	5
KAJIAN TAHAP PENGETAHUAN DAN SIKAP AMALAN HIJAU DALAM KALANGAN PELAJAR DI JABATAN PERDAGANGAN, POLITEKNIK SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH Siti Naamah Md Zain	11
SISTEM RUMAH CENDAWAN LESTARI Amrul Akil Ahmad @ Hashim, Nor Sukor Ali dan Rohizan Shaher	21
UNSUR HUMOR DALAM FILEM SENIMAN BUJANG LAPOK Faris Fakhira Tauran, Ernawita Atan dan Muhammad Amirul Kamarudin	28
KEIMPLISITAN DALAM CERPEN MELAYU BILA AYAH BERKACA MATA HITAM Muhammad Amril Kamarudin, Vijayaletchumy A/P Subramaniam dan Faris Fakhira Tauran	34
KONSEP ARGUMEN DAN ARGUMENTATIF SERTA ELEMENTINYA Mohd Hazreen Shah Hassan, Sharli Nizam Sha'ri, Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Akmar Hayati Ahmad Ghazal	42
EBR STORYTELLING MEMBANTU PEMAHAMAN DAN PENGUASAAN KOSA KATA BAHASA INGGERIS DALAM KALANGAN KANAK-KANAK PRASEKOLAH Nur Nazuhah Beeyl Abdul Aziz	48
MENINGKATKAN PENCAPAIAN PELAJAR KIMIA TINGKATAN EMPAT BAGI TAJUK BAHAN BUATAN DALAM INDUSTRI MELALUI PENDEKATAN POSTER SESSION Aztiza Muhammad	63
KEBERKESANAN PENGGUNAAN BUKU TEKS MATEMATIK TAHUN SATU DALAM MEMBANTU PENGUASAAN KEMahiran NUMERASI MURID BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS MASALAH PEMBELAJARAN Mohamad Noor Rizan Mokhtaruddin dan Kama Shafeei	77
MENINGKATKAN KEMahiran MURID DALAM MENYELESAIKAN SOALAN KBAT PERSAMAAN LINEAR SERENTAK DENGAN MENGGUNAKAN KAEDAH THINK PAIR SHARE Law Sie Tung dan Lina Law	88

**PEMBANGUNAN PENYELIDIKAN DALAM PENDIDIKAN DAN  
SAINS SOSIAL: IDEA DAN ANALISIS**

v

FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI NIAT KEUSAHAWANAN DI KALANGAN PELAJAR Iklima Husna Abdul Rahim, Marry Tracy Pawan, dan Ahmad Shakanl Abdullah	92
MODEL BAHRU KURIKULUM NAHU ARAB-QURAN BAGI PENERAPAN NILAI MURNI SEJAGAT: KONSEP CADANGAN Mohd Nizwan Musling	98
KONSEP KEROHANIAN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM: SATU ANALISIS TINJAUAN LITERATUR Azlizham Abdul Aziz, Mohd Nor Mamat dan Daud Mohamed Salleh	102
KEPENTINGAN PENDEKATAN KEROHANIAN TERHADAP PEMULIHAN KUMPULAN LESBIAN, GAY, BISEKSUAL DAN TRANSGENDER (LGBT) DI MALAYSIA Noor Hafizah Mohd Haridi, Norsaleha Mohd Salleh dan Khairul Hamimah Mohammad Jodi	113
SISTEM PEMANTAUAN JUALAN NEUTRON ONE STOP CENTRE (NOSC) DI JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK, POLISAS Hasliza A Rahim @ Abd Rahman, Fauzianne Awang dan Syazana Md Dali	122
KAJIAN KEBERKESANAN ENTREPRENEUR BUSINESS KIT 1.0 (E-BIZZ KIT 1.0) SEBAGAI INOVASI PEMBELAJARAN BAGI KURSUS KEUSAHAWANAN DI POLITEKNIK SULTAN HAJI AHMAD SHAH Hasliza A Rahim @ Abd Rahman, Anis Salwani Abu Bakar dan Noraini Dessa	127
PENGARUH STRES KERJA DAN KEPUASAN KERJA TERHADAP KOMITMEN ORGANISASI DI KALANGAN PENSYARAH POLITEKNIK DI PERLIS Muhammad Reduan Abu Bakar, Shahruh Radzi Mad Zaki @ Abdullah, dan Ku Mohd Yusri Ku Ibrahim	138
KONSEP PENEROKAAN NILAI SOSIAL SEJAGAT MELALUI BAHAN TATABAHASA ARAB-QURAN Muhammad Zahid Ismaili dan Mohd Nizwan Musling	141
CABARAN e-LEARNING DI KALANGAN PELAJAR SEMASA PASCA COVID-19 (POLITEKNIK KOTA KINABALU) Jahari Yaakob, Norimah Jaludin dan Daniel Kimbin	154
PROGRAM KEMENJADIAN PELAJAR ASRAMA SEKOLAH HARIAN Gurumoorthy Poobalan, Zulhairul Ramlee, Roslee Talip, Sukuneswari Kallappan dan Mohd Tarmimi Mat Hussin	164
TAHAP PENGETAHUAN GURU TERHADAP PEMBELAJARAN KOPERATIF DALAM MATA PELAJARAN BAHASA ARAB Nur Syahirah Mat Zain dan Azhar Muhammad	174
INDIVIDUALISME SEBAGAI ANCAMAN TERHADAP PATRIOTISME Siti Norayu Mohd Basir, Fauziah Ismaili, Junainor Hassan dan Noor Zeita Othman	181



TAHAP PENGETAHUAN GURU TERHADAP PEMBELAJARAN KOPERATIF  
DALAM MATA PELAJARAN BAHASA ARAB

Nur Syahirah Mat Zain dan Azhar Muhammad

**Abstrak**

Guru memainkan peranan penting dalam menentukan hasil pembelajaran abad ke 21. Pelbagai kaedah dan strategi boleh digunakan oleh guru bagi membentuk pelajar berkolaborasi dan lebih aktif belajar. Oleh itu, kaedah dan strategi yang digunakan oleh guru perlulah kreatif dan inovatif supaya kaedah pengajaran dalam bilik darjah dapat menarik minat pelajar. Pembelajaran koperatif merupakan salah satu pengajaran yang berkesan untuk dilaksanakan dalam bilik darjah. Pembelajaran koperatif adalah suatu bentuk pengajaran yang berpusatkan pelajar. Kajian lepas menunjukkan bahawa kaedah pembelajaran koperatif banyak memberi kesan positif dalam meningkatkan minat pelajar terhadap pembelajaran. Walaubagaimanapun, kajian lepas menunjukkan kebanyakan guru bahasa Arab masih lagi menggunakan kaedah tradisional dalam pengajaran mereka menyebabkan suasana pembelajaran menjadi pasif dan membosankan. Justeru, artikel ini bertujuan membincangkan pengetahuan yang perlu dikuasai pada guru bahasa Arab dalam melaksanakan pembelajaran koperatif bagi memastikan proses pengajaran lebih berkesan dan mampu menarik minat pelajar.

**Kata Kunci:** Abad21, Pembelajaran Koperatif, bahasa Arab, pengetahuan.

**Pengenalan**

Guru merupakan tonggak utama untuk memastikan proses pendidikan dilaksanakan dengan baik. Peranan guru adalah untuk melahirkan modal insan yang berkualiti dan seimbang dari segi emosi, jasmani, intelek dan rohani (Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), 2013). Guru perlu memainkan peranan di sekolah kerana mereka merupakan tonggak yang sangat penting untuk memasarkan proses pendidikan dilaksanakan sesuai dengan kehendak abad ke-21.

Sempena menyambut seruan kerajaan dalam menaik taraf sistem pendidikan semasa, pembelajaran abad ke-21 (PAK21) telah diperkenalkan dan ia sebagai satu proses pembelajaran yang berpusatkan pelajar. Jadi seseorang guru seharusnya bertanggungjawab dalam meningkatkan prestasi pelajar dan melahirkan pelajar sebagai modal insan kelas pertama pada masa hadapan. Oleh itu, strategi dan kaedah pengajaran hendaklah dipelbagaikan oleh guru secara kreatif dan inovatif semasa sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) dijalankan di bilik darjah.

Guru dilihat sebagai individu yang paling tepat dan bertanggungjawab untuk melaksanakan transformasi ini dalam pengajaran mereka. Guru yang berkualiti berupaya menghubungkan pengetahuan mereka dengan kaedah pengajaran (Chong & Cheah, 2009). Tambahan pula, pendidikan abad ke-21 memerlukan guru menghasilkan pelajar yang kreatif, kritis dan inovatif. Guru perlu terlebih dahulu menguasai dan melengkapi diri dengan pelbagai ilmu pedagogi yang terkini supaya pengajaran yang dilaksanakan mampu memenuhi tuntutan pembelajaran abad ke-21 sekaligus mampu menarik minat dan motivasi pelajar dalam pembelajaran. Hal ini demikian kerana guru merupakan faktor utama yang menyumbang kepada kejayaan pelaksanaan sistem pendidikan (Rafiza et. al., 2016).



Pembelajaran koperatif merupakan salah satu model pengajaran yang berpusatkan pelajar dan bolch diamalkan oleh guru bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Menurut (Zamri 2014), pembelajaran koperatif adalah satu cara yang terbaik untuk digunakan. Hal ini dinyatakan berdasarkan kajian dan pengalaman sendiri setelah pakar pendidikan mengenal pasti bahawa pembelajaran koperatif merupakan satu prosedur kerja yang efektif dalam apa jua bidang pembelajaran. Oleh itu, pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang dalam apa jua bidang pembelajaran. Oleh itu, pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang dalam apa jua bidang pembelajaran. Oleh itu, pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang dalam apa jua bidang pembelajaran. Oleh itu, pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang dalam apa jua bidang pembelajaran.

#### **Pernyataan Masalah**

Pendekatan pengajaran bahasa Arab di sekolah-sekolah agama pada hari ini masih lagi terpengaruh dengan pendekatan pengajaran tradisi, berpusatkan guru dari awal kecemasan terhadap guru. Hasil daripada proses pengajaran seperti ini pelajar menjadi lembab dan sehingga tidak aktif khususnya untuk menyuarakan pendapat dan pandangan (Rosni, 2012). Kekurangan pengetahuan guru tentang kaedah pengajaran terkini menjadikan puncak pengajaran menjadi tidak menarik. Hal ini mungkin disebabkan kurangnya pendedahan mengenai kaedah pengajaran terbaik atau guru terlalu sibuk dengan beban tugas lain di sekolah. Menurut Nornshid dan Hamzah (2014), tugas yang terlalu banyak membebankan guru. Hal ini demikian kerana, mereka terpaksa menyandang pelbagai jenis jawatan atau tugas khas yang lain sama ada dalam bidang akademik maupun bidang kurikulum di sekolah.

Selain itu, permasalahan yang berlaku biasanya berpunca daripada kelemahan guru bahasa Arab itu sendiri dalam memilih pendekatan pengajaran yang sesuai dalam pengajaran mereka. Dapatan kajian Gamal Abdul Nasir Zakaria et.al (2015), menunjukkan bahawa permasalahan dalam pembelajaran bahasa Arab adalah disebabkan oleh sikap pengajar yang tidak berminat untuk membawa perubahan dalam pengajaran bahasa Arab. Justeru, mereka lebih gemar menggunakan kaedah pengajaran berbentuk kuliah kerana ia lebih mudah dan menjimatkan masa.

Manakala kajian (Rosni 2012), mendapati guru bahasa Arab kurang melakukan aktiviti dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang mendorong pelajar bersikap pasif. Menurut Zamri Mahamod (2012), keberkesan pengajaran bukan sahaja memerlukan guru menguasai matlamat yang sama (Rosni, 2010; Min Han, 2015). Pembelajaran koperatif merupakan model pembelajaran yang memerlukan pelajar belajar dengan mengaplikasikan aktiviti belajar dan bekerja dalam kelompok kumpulan pelbagai kebolehan (heterogen) (Slavin 2005).

#### **Objektif kajian**

1. Mengenal pasti kebaikan pelaksanaan pembelajaran koperatif.
2. Mengenalpasti tahap pengetahuan guru bahasa Arab mengenai pembelajaran koperatif

#### **Pembelajaran koperatif**

Pendekatan koperatif merujuk kepada kaedah pengajaran yang mengumpulkan pelajar daripada pelbagai kebolehan bekerjasama dalam kumpulan kecil untuk mencapai satu matlamat yang sama (Rosni, 2010; Min Han, 2015). Pembelajaran koperatif merupakan model pembelajaran yang memerlukan pelajar belajar dengan mengaplikasikan aktiviti belajar dan bekerja dalam kelompok kumpulan pelbagai kebolehan (heterogen) (Slavin 2005).



Mohaimin Tabrani (2013), menyatakan, pembelajaran koperatif merupakan proses pelajar diberi kepercayaan sepenuhnya mengendalikan rakan sekumpulan dalam usaha mengembangkan potensi pelajar tersebut dalam sesbuah pengajaran dan pembelajaran. Pendekatan ini dilaksanakan dalam titik darjah secara dinamik dengan menggerakkan pasukan kecil pelajar yang akan berinteraksi dan bergantung antara satu sama lain untuk menghadapi pelajaran mereka. Tanggungjawab ini membangkitkan perasaan positif dalam menghargai pelajaran mereka. Pembelajaran yang aktif.

Pembelajaran koperatif lazimnya dilakukan bersama oleh empat hingga enam orang pelajar. Johnson & Johnson (2014), menyatakan bahawa pengajaran dan pembelajaran koperatif adalah satu kaedah yang mengkhendaki pelajar belajar bersama-sama dalam menyimpulkan satu tugas untuk kumpulan masing-masing.

#### Kebalkan Pelaksanaan Pembelajaran Koperatif.

Menurut Mohammad Shah (2016), pembelajaran dan pengajaran abad ke-21 ditakrifkan sebagai iklim pembelajaran kolaboratif lebih berpusatkan pelajar yang menekankan kemahiran pemikiran kritis dan kreatif serta kemahiran komunikasi berkesan. Antara pendekatan pembelajaran yang berpusatkan pelajar ialah pendekatan koperatif.

Pembelajaran koperatif merujuk kepada kaedah pengajaran yang memerlukan pelajar dari pelbagai kebolehan berkerjasama dalam kumpulan kecil untuk mencapai satu matlamat yang sama. Sasaran adalah tahap pembelajaran yang maksimum bukan sahaja untuk diri sendiri, bahkan untuk rakan-rakan yang lain.

Ini memberi peluang kepada pelajar berinteraksi, berkomunikasi, mengalami dan menghayati proses pembelajaran yang lebih berkesan. Sesatu pendekatan itu ada kekuatan dan kelebihannya. Ini adalah kerana sesatu pendekatan atau kaedah itu mungkin sesuai dan berkesan bagi sesatu objektif pelajaran dan suasana pembelajaran. Jika pendekatan atau kaedah ini dilaksanakan dengan serius ia akan membawa manfaat kepada pelajar (Ahmad, 1994). Strategi-strategi pembelajaran koperatif bukan sahaja menarik tetapi melibatkan pelajar secara aktif dalam pembelajaran (Bhavani, Zamri 2017).

Menurut Kagan (1992), kebaikan pembelajaran koperatif kepada pelajar adalah seperti berikut:-

- i. Motivasi yang lebih tinggi untuk berjaya kerana seseorang bukan sahaja menceapai kejayaan untuk diri sendiri, tetapi untuk rakan-rakan sekumpulan juga. Keadaan ini menyebabkan lebih masa ditumpukan pada sesatu tugas dan akan meningkatkan pembelajaran.
- ii. Pelajar dengan strategi pembelajaran yang lemah mendapat lebih peluang untuk melihat model pelajar lain yang mempunyai strategi yang lebih berkesan.
- iii. Perhubungan interpersonal bertambah baik, disebabkan oleh kemahiran bekerjasama dan keperluan untuk saling membantu antara satu sama lain.
- iv. Suasana sosial pembelajaran kerjasama membuat sekolah itu satu tempat yang seronok.
- v. Ahli-ahli daripada kumpulan berlainan dalam masyarakat dapat berkerjasama menuju ke satu matlamat yang sama (saling pergantungan positif).
- vi. Berinteraksi dengan orang lain menggalakkan seseorang menyusun semula pemikiran mereka, misalnya meringkas, menjelas dan memberi contoh. Penyusunan semula kognitif ini menambah pemikiran peringkat tinggi.

**PEMBANGUNAN PENYELIDIKAN DALAM PENDIDIKAN DAN: 177  
SAINS SOSIAL: IDEA DAN ANALISIS**

- vii. Pelajar mempunyai lebih peluang untuk melihat strategi pemikiran orang lain, di samping berkongsi strategi sendiri.
- viii. Kerisauan akan berkurban dan ini menggalakkan seseorang mengambil risiko, mencuba cara baru serta meningkatkan kreativiti.
- ix. Mendengar pandangan orang lain terutamanya dalam kumpulan heterogenous, boleh memberi kesedaran bahawa ada pendapat yang berlainan daripada pendapat sendiri.

**Pengajaran Bahasa Arab Menggunakan Kaedah Pembelajaran Koperatif**  
Pembelajaran koperatif merupakan suatu kaedah alternatif yang berpusatkan pelajar di mana pelajar perlu libat secara aktif dalam (PdP). Setiap ahli mempunyai peranan masing-masing dan mereka adalah bertanggungjawab terhadap kejayaan kumpulan mereka (Johnson, et al., 2014).

Banyak kajian lepas berkaitan dengan penggunaan kaedah pembelajaran koperatif telah dijalankan. kajian pembelajaran koperatif ini dijalankan dalam pelbagai bidang termasuklah bidang bahasa (Rozita, Latifah & Fadzilah, 2017; Zamri, 2016), Sains (Meor Ibrahim & SityNoorfatimah, 2011; Lau, 2012; Nor Amatina Ab Hakim & Zanaton Iksan, 2018), Matematik (Wong, 2014; Wong & Mohd Izam Ghazali, 2016; Muhammad Kamri & Norazah,2017) dan KHB (Kamal, 2016). Pembelajaran koperatif juga boleh digunakan oleh guru bahasa Arab bagi meningkatkan fokus, dan minat pelajar. Kepelbagaiannya kaedah pengajaran adalah penting dalam usaha menarik minat para pelajar meminati pelajaran bahasa Arab (Normazidah, 2012). Hal ini demikian kerana melalui pembelajaran koperatif, proses pengajaran dan pembelajaran tidak hanya tertumpu di dalam bilik darjah bahkan pembelajaran juga berlaku di luar kelas bersama rakan-rakan. Nutrijohnya pembelajaran koperatif mampu meningkatkan kemahiran komunikasi yang berkesan sesama pelajar.

Melalui pelaksanaan pembelajaran koperatif pelajar akan sentiasa didekahkan dengan aktiviti seperti perbincangan dan pembentangan dalam kumpulan. Kaedah pengajaran ini sangat sesuai dilaksanakan kerana aspek komunikasi merupakan salah satu aspek yang sangat penting dalam pembelajaran bahasa Arab. Justeru, kemahiran komunikasi pelajar dapat diingkatkan dari semasa ke semasa melalui aktiviti perbincangan yang dilaksanakan sama ada di dalam mahupun di luar kelas. Pelaksanaan pembelajaran koperatif ini menyebabkan pelajar lebih aktif dan berdiskusi dalam menyelesaikan tugas yang diberikan. Hal ini disebabkan melalui kaedah pembelajaran ini pelajar akan berusaha mencuri maklumat bersama rakan tanpa mengharapkan guru keranjang peranan guru hanya sebagai pemudah cara sahaja, dan bukan sebagai sumber pemberi maklumat yang utama. Misalnya, guru memberikan satu topik untuk setiap kumpulan, kemudian mereka akan membentangkan hasil tugas mereka di dalam kelas untuk dinilai oleh guru. Segala kekurangan dan kesilapan semasa proses pembentangan akan diperbetulkan oleh guru bagi mengelakkan kesalahan dan kekeliruan dalam kalangan pelajar.

Susana pembelajaran seperti ini dilihat sangat sesuai untuk dilaksanakan dalam pembelajaran bahasa Arab kerana pelajar akan dilatih dengan pelbagai kemahiran seperti berkomunikasi, kolaboratif, berfikiran aras tinggi, membina pengetahuan, penyampaian maklumat, meningkatkan kreativiti dan motivasi pelajar dalam mengikuti sesi pembelajaran bahasa Arab. Pendekatan ini sekaligus akan menjadikan susana pembelajaran bahasa Arab lebih menarik, berkesan dan menyeronokkan.



**Kajian Lepas Berkaitan Pendekatan Pembelajaran Koperatif  
Dalam Matapelajaran Bahasa Arab**

Kaedah pengajaran adalah satu prosedur yang menyeluruh untuk menyampaikan sesuatu bahan melalui pendekatan yang dipilih (Kumarudin,1978) dalam (Maimun Aqsha,2003). Menurut (Mohammad Shah,2016), pembelajaran dan pengajaran abad ke-21 ditakrifkan sebagai iklim pembelajaran kolaboratif lebih berpusatkan pelajar yang menekankan kemahiran pemikiran kritis dan kreatif serta kemahiran komunikasi berkesan. Antara pendekatan pembelajaran yang berpusatkan pelajar ialah pendekatan koperatif. Pembelajaran koperatif dapat meningkatkan pencapaian khasnya bagi pelajar berpencapaian rendah kerana kumpulan ini menerima lebih bantuan yang bukan sahaja terbatas daripada guru tetapi juga daripada rakan-rakan.

Melalui kajian yang dijalankan oleh (Nurazizah,2016), mengenai pengajaran dan pembelajaran koperatif Irm Al-'adad wa Al-ma'dud, pembelajaran koperatif memberikan keseronokan kepada pelajar dan membongkitkan motivasi pelajar untuk belajar dengan bersungguh-sungguh. Keberkesaan pendekatan yang sesuai menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dapat berjalan dengan lancar.

Menurut (Mei et al., 2017), dalam kajiannya "Cooperative Learning Strategy in teaching Arabic for NonNative Speakers" memunjukkan bahawa majoriti pensyarah di Universiti Pendidikan Sultan Idris sangat menyokong untuk menerapkan pembelajaran koperatif semasa kelas dan di luar kelas untuk membantu para pelajar untuk meningkatkan kemahiran berbahasa, kemahiran komunikasi dan interaksi sosial mereka.

Manakala menurut Yusriina (2010), dalam kajian Pembelajaran Koperatif Dalam Mata Pelajaran Bahasa Arab Komunikasi Tahap Dua Di Sekolah Kebangsaan mendapati hasil kajiannya iaitu guru melaksanakan pembelajaran koperatif sebagai strategi pengajaran walaupun bukan pada setiap masa. Ia bergantung kepada isi pelajaran dan persediaan mereka. Kajian ini juga turut mendapati pelajar dan guru mengakui keberkesanannya dalam meningkatkan kefahaman dan minat serta keseronokan pembelajaran. Responden turut merasakan kaedah ini perlu dilaksanakan sebagai strategi pembelajaran.

Kajian mengenai keberkesanannya secara koperatif di dalam bidang bahasa Arab turut dilakukan oleh Ramzan Muhamad (2001) bertujuh "Satu Kajian Eksperimen Tentang Keberkesanannya Pembelajaran Secara Koperatif Dalam Matapelajaran Bahasa Arab Komunikasi". Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat sejauh mana keberkesanannya pembelajaran secara koperatif iaitu kaedah Student Team Achievement Division (STAD) dapat meningkatkan pencapaian pelajar dalam menguasai kemahiran-kemahiran bahasa Arab Komunikasi. Hasil kajian menunjukkan pembelajaran secara koperatif knedah STAD, sangat berkesan dalam meningkatkan pencapaian pelajar di dalam menguasai kemahiran-kemahiran bahasa Arab Komunikasi, terutama kemahiran bertutur dan membaca.

Seterusnya kajian bagi melihat keberkesanannya kaedah pembelajaran koperatif dalam bidang bahasa turut dijalankan oleh Ahmad Najdi Hj. Fadzil di dalam matapelajaran bahasa Arab bertajuk Keberkesanannya Pembelajaran Secara Koperatif dalam mata pelajaran Bahasa Arab Tinggi (BAT) Tingkatan Empat. Kajian ini mengkaji mengenai keberkesanannya pembelajaran secara koperatif dalam mata pelajaran BAT tingkatan empat dan kajian ini dihadkan untuk melihat peningkatan pencapaian kemahiran membaca dan menulis sahaja. Hasil kajian ini turut sama menunjukkan pembelajaran secara koperatif kaedah STAD sangat berkesan dalam meningkatkan pencapaian pelajar terutama dalam kemahiran membaca bagi mata pelajaran BAT tingkatan empat.



**PEMBANGUNAN PENYELIDIKAN DALAM PENDIDIKAN DAN : 179  
SAINS SOSIAL: IDEA DAN ANALISIS**

Menurut (Rosni,2014), pembelajaran koperatif melancarkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di dalam kelas dan membolalkan pelajar berinteraksi sesama ahli kumpulan dan juga boleh berinteraksi merentasi kumpulan. Selari dengan (Syamsul, 2014) penggunaan koperatif model STAD "Student Team Achievement Division" dalam kemahiran membaca secara tidak langsung mangaktifkan keempat-empat kemahiran bahasa iaitu kemahiran mendengar, kemahiran membaca, kemahiran bertutur dan kemahiran menulis sehingga mampu merealisasikan "al lughab hiya al kalam" dalam diri pelajar.

Pembelajaran koperatif dengan metode jigsaw bagi qowa'id bahasa Arab menjadi memudahkan pelajar dalam pembelajaran (Ahmad, 2013). Berdasarkan penelitian melalui kajian lepas, pengkaji mendapati kajian berkaitan pembelajaran koperatif banyak mendatangkan kesan positif terhadap pembelajaran pelajar.

Walaupun terdapat kajian mengenai pembelajaran koperatif di Malaysia namun, pengkaji mendapati kajian berkaitan amalan guru bahasa Arab terhadap pembelajaran koperatif amat kurang dijalankan. Kajian mengenai pembelajaran koperatif dari berbagai aspek telah banyak mendapat perhatian para penyelidik, namun kajian yang melibatkan pengetahuan guru terhadap pembelajaran koperatif agak kurang dilaporkan. Kebanyakannya kajian lepas hanya memfokuskan keberkesaan pembelajaran koperatif dalam pelbagai disiplin ilmu lain tetapi kurang dalam bahasa Arab. Selain itu, kebanyakannya kajian lepas juga memfokuskan kepada pelajar sekolah menengah harian. Pengkaji mendapati masih kurang kajian mengenai tahap pengetahuan guru bahasa Arab dalam melaksanakan pembelajaran koperatif di sekolah-sekolah agama. Oleh itu, kajian berkaitan tahap pengetahuan guru bahasa Arab perlu dilakukan di sekolah-sekolah agama untuk mengisi kelompong yang berlaku.

**Kesimpulan**

Guru perlu bijak dalam merancang, menggunakan dan mempelbagaikan strategi pengajaran supaya lebih berpusatkan pelajar dan fleksibel. Kreativiti dan inovasi guru merupakan intipati dalam PdP terutama sekali untuk disiplin bahasa Arab yang rata-ratanya mengalami kesukaran untuk menarik minat pelajar bagi melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti PdP semasa di dalam kelas. Kreativiti dan inovasi yang berkesan dapat menarik minat serta memberikan motivasi kepada pelajar untuk mendalami ilmu yang disampaikan di dalam kelas. Kajian tentang pembelajaran koperatif dalam pengajaran dan pembelajaran ternyata dapat mendorong membina keyakinan dan pemikiran yang mendalam di kalangan pelajar. Ia juga mendorong pelajar untuk berdiskusi dan tidak bergantung sepenuhnya kepada guru semata-mata. Maklumat pembelajaran begini juga dapat memotivasi pelajar untuk mendapatkan maklumat dengan lebih berkesan.

**Rujukan**

- Ahmad Maslakhudin (2013). Penggunaan Pembelajaran Kooperatif Metode Jigsaw Untuk Meningkatkan Hasil Belajar Qowa'id Siswa MTs Al Asror Tahun Ajaran 2010/2011. Skripsi Sarjana Pendidikan: Universitas Negeri Semarang.
- Ahmad Najdi Hj Fadzil. Keberkesaan Pembelajaran Secara Koperatif Dalam Matapelajaran Bahasa Arab Tinggi Tingkatan Empat. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Md. Shariff(1994), "Strategi Pendidikan Bahasa Melayu" Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bhavani, Zamri. (2017). Keberkesaan Pembelajaran Koperatif Terhadap Pencapaian Dan Motivasi Murid Sekolah Menengah Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, Vol 7, 2180-2182.
- Chong S, Cheah HM (2009). A Values, Skills and Knowledge Framework for Initial Teacher Preparation Programmes. *Australian Journal of Teacher Education* 34 (3), 1-17.

**PEMBANGUNAN PENYELIDIKAN DALAM PENDIDIKAN DAN : 180  
SAINS SOSIAL: IDEA DAN ANALISIS**

- Gamat Abdul Nasir Zakaria, Salwa Mahalle, & Alif Nawi (2015). Kajian Amalan Pengajaran Guru bahasa Arab Sekolah Menengah di Negara Brunei Darussalam. *Q-JIE: The Online Journal of Islamic Education*, 3(1), 32-40.
- Johnson, D. W., Johnson, R. T (2014). Cooperative Learning in 21st Century. *Avante De Psicologia*. Vol.30, 841-851.
- Kagan, S (1992). *Cooperative Learning Resources For Teachers*. Riverside, CA: University of California at Riverside.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi)*. Putrajaya, Malaysia.
- Maimun Aqsha Lubis (2003). Satu Perbandingan Kewenangan Tiga Kaedah Pengajaran Bahasa Arab Terhadap Pencapaian Kemahiran Bahasa di Pusat Matrikulasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Min Han (2015). An Empirical Study on the Application of Cooperative Learning to English Listening Classes. *English Language Teaching*; Vol. 8 (3); 2015.
- Mohammad Shah (2016). Etika kerja guru dan hubungannya dengan pembelajaran dan pengajaran berkesan abad ke-21. *Jurnal Pendidikan Majlis Pengurusan Sekolah Malaysia*. Melaka: Bintang Printing Sdn. Bhd.
- Mohaimin Tahran (2013). Kekangan Aplikasi Pengajaran Koperatif Di Sekolah Rendah. *Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia*.
- Norashid Othman & Hamzali Md. Omar (2014). Beban Tugas Dan Motivasi Pengajaran Guru Di Sekolah Menengah Daerah Ranau. *Jurnal Pemikir Pendidikan*, 3: 35-37
- Rafiza, A.R., Dahlwinder, K., Siti Hajar, H. & Zahri, R. (2016). Flipped ESL teacher professional development: Embracing change to remain relevant. *Teaching English with Technology*, 16(3), 85-102.
- Ramzan Bin Muhamad (2011). Satu Kajian Eksperimen Tentang Keberkesanam Pembelajaran Secara Koperatif Dalam Matapelajaran Bahasa Arab Komunikasi. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rosni Samah (2014). Kaedah Muhabbat Ibnu Khaldun untuk Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia. *Providing Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab*.
- Slavin, R.E (2005). *Educational psychology: Theory into practice*. Englewood Cliffs: Prentice Hall Ltd.
- Suo Yan Mei (2017). Cooperative Learning Strategy in teaching Arabic for Non Native Speakers. European and *Journal of Social Science Education Research*, 2312-8429.
- Syamsul Anam (2014). Pembelajaran Bahasa Arab Dengan Cooperative Learning Model STAD. *Jurnal Turats*, Vol.6, No 1.
- Yasrina Yacob (2010). Pembelajaran Koperatif Dalam Matu Pelajaran Bahasa Arab Komunikasi Tahap Dua Di Sekolah Kebangsaan. Masters thesis, Universiti Utara Malaysia.
- Nomazidah Mahmoood (2012). Penggunaan Kaedah Pengajaran Bahasa Arab dalam Kalangan Guru Peringkat Sekolah Rendah: Satu Penilaian. Thesis Phd: Universiti Malaya, Kuala Lumpur
- Norazizah, Harun (2016). Pengajaran Dan Pembelajaran Koperatif Abad Ke-21 Isim Al-'Adad Wa Al-Ma'dud Di Sekolah Menengah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zamri Mahamod (2012). Inovasi P&P dalam Pendidikan Bahasa Melayu. Tanjung Malim: Universiti Perguruan Sultan Idris
- Zamri Mahamod (2014). Inovasi P&P Dalam Pendidikan Bahasa Melayu. Cetakan Ketiga. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris

